

bah

PM SIFATKAN PEMIMPIN YANG KERJA UNTUK DIRI SENDIRI SEBAGAI TAMAK

Mahathir - Belia

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin yang bekerja untuk dirinya sendiri adalah orang yang tamak kerana mereka sepatutnya bekerja untuk generasi akan datang yang akan mewarisi negara ini.

Katanya, walaupun pemimpin sekarang mungkin tidak ada lagi pada masa depan tetapi mereka perlu terus berusaha untuk memastikan golongan belia masa depan mewarisi sebuah negara yang maju dan mampu untuk membina sistem politik yang berkesan dan pembangunan ekonomi yang stabil.

+Saya juga mungkin tidak ada peluang untuk terus melihat pembangunan negara dalam masa 30 tahun akan datang tetapi saya kena terus berusaha untuk generasi akan datang+, katanya ketika merasmikan tiga buah muzium secara serentak dan pameran Melaka Sedekad di sini.

Tiga buah muzium yang dirasmikan itu ialah Muzium Belia Malaysia, Muzium Ethnografi dan Muzium Sejarah.

Dr Mahathir berkata: +Pemimpin bekerja untuk meneruskan pembangunan negara kerana golongan belia yang akan mewarisi negara ini dan bukan kita.+ -- Lagi.

▼16/04/15-48MST

CNS4493

R GB 16-04 00179 BA465

bah

Mahathir - Belia 2 Melaka

Katanya, apa yang diperlukan ialah golongan beliau memahami usaha yang dibuat oleh pemimpin sekarang. Mereka mesti faham bagaimana Malaysia maju membangun kerana cara itu memudahkan mereka mengekalkan warisan itu.

+Saya juga dahulu seorang belia dan mewarisi peninggalan ibu bapa dan nenek moyang saya. Saya rasa bangga dan bersyukur dapat mewarisi negara yang maju dan berharap golongan belia sekarang dan masa depan turut bersyukur dengan apa yang diwarisi nanti,+ katanya.

Dr Mahathir berkata banyak negara menghadapi masalah dan pemuda-pemuda mereka tidak akan mewarisi negara yang membangun dengan pesat tetapi yang menghadapi banyak masalah dan ini akan membuat mereka merasa tertekan dengan warisan mereka nanti.

Bagaimanapun, katanya, golongan belia Malaysia akan mewarisi sebuah negara yang maju dan mempunyai bentuk sistem politik yang berkesan serta pembangunan ekonomi yang stabil.

Mengenai muzium, beliau berkata, di samping dapat menarik lebih banyak pelancong ke Melaka, muzium juga berperanan membentuk peribadi dan menyingkap kembali asal usul rakyat dan ini memudahkan usaha menentukan arah yang ditujui. -- Lagi.

▼16/04/15-56MST

CNS4494

R GB 16-04 00092 BA466

bah

Mahathir - Belia 3 Melaka

Bagi Muzium Belia Malaysia pula, beliau berkata, ia dapat memainkan peranan untuk mengingati tahap kemajuan yang dicapai oleh golongan belia.

Menurutnya, Melaka amat terkenal di dunia malahan ada di kalangan orang asing yang beranggapan bahawa Malaysia adalah Melaka kerana negeri ini dikenali sebagai empayar yang besar di rantau ini suatu masa dahulu.

Beliau yakin negara ini boleh mencapai zaman keagungan jika negara dan rakyat menyusun langkah menguatkan semangat sepenuhnya untuk menghadapi sebarang cabaran. -- Bernama.

▼16/04/15-56MST